

07 JUL 2002

Abdullah-Pengundi

PEMIMPIN UMNO PAHANG PERLU KERJA KERAS DAFTAR PENGUNDI BARU

KUANTAN, 7 Julai (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pemimpin Umno Pahang perlu berusaha memastikan penyokong Umno terutamanya generasi muda mendatarkan diri sebagai pengundi.

Beliau berkata mulai tahun hadapan, daftar pengundi akan dibuka sepanjang tahun dan untuk itu, Umno perlu bekerja keras memastikan mereka yang menyokong parti itu mendaftar sebagai pengundi.

Abdullah, yang juga Timbalan Perdana Menteri, berkata pada masa ini, terdapat hampir 500,000 pengundi baru yang mendaftar semasa kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

"Semasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad memimpin selama 21 tahun, satu generasi baru dah wujud dan generasi yang saya maksudkan adalah generasi yang boleh mengundi, mendaftar untuk jadi pengundi dalam pilihan raya yang akan datang.

"Dengan itu kita mestilah bantu untuk dapatkan seramai mungkin daripada mereka untuk mengundi dan harap mereka juga dapatkan penerangan yang diperlukan untuk memahami perjuangan parti kita," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Perhubungan Umno Pahang di sini, hari ini.

Abdullah berkata pada pertemuan itu, beliau menerangkan mengenai isu semasa yang berkaitan dengan parti iaitu mengenai hasrat Dr Mahathir untuk bersara.

Menurutnya beliau menerangkan betapa pentingnya semua pemimpin Umno bersatu padu dan bekerjasama dengan baik untuk kejayaan parti dan tidak melakukan sesuatu yang boleh merosakkan perpaduan parti.

"Ini sebenarnya adalah satu kehendak ataupun amanat daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, yang telah diberikan semasa pemimpin Umno pusat bertemu beliau di Seri Perdana sebelum bertolak ke luar negeri untuk bercuti.

"Dan di samping itu juga, saya telah jelaskan kepada mereka iaitu saya dan Naib-naib Presiden, Setiausaha Agung, Ketua Penerangan dan Ketua Pemuda dan Wanita semuanya elok muafakat, semuanya bekerjasama dan semuanyaapun telah nyatakan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad bahawa semua akan tetap setia kepada parti dan tetap akan kerjasama dan elok muafakat untuk menjayakan perjuangan parti," katanya.

Abdullah berkata beliau percaya dengan pengakuan oleh para pemimpin Umno itu, parti itu akan terus berada pada tahap yang amat baik.

-- BERNAMA

HIS MS NAK